



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed

Menjunjung ikrar setia kepada raja

Beberapa insiden mutakhir ini membabitkan institusi diraja menjurus kita ke arah perlunya usaha serius untuk memperkasa institusi diraja. Prinsip kedua Rukun Negara yang kita junjung selama ini ialah kesetiaan kepada raja dan negara. Perkara ini diajar dan kita pelajari sejak di bangku sekolah rendah lagi. Tak kira apapun medium sekolah yang kita pernah hadiri Rukun Negara tetap diterapkan sebagai ikrar yang perlu dihayati seluruh rakyat Malaysia.

Agak mendukacitakan apabila kebelakangan ini ada segelintir rakyat yang begitu mudah lupa mengenai ikrar Rukun Negara ini, terutama perlunya kita setia dan taat kepada raja dan negara. Lebih malang lagi ada pihak cuba menghina, menghasut dan membuat provokasi seolah-olah mahu suburkan budaya derhaka dalam kalangan rakyat.

Isu penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong misalnya dalam Facebook yang didedahkan baru-baru ini cukup mengejutkan dan mengecewakan. Untuk rekod ini bukanlah kali pertama perkara seumpama ini berlaku di negara kita. Walaupun suspek berjaya dikenal pasti dan sudah pun ditahan untuk siasatan, namun ia mencetuskan satu fenomena cukup merisaukan.

Jelas masih ada rakyat kita, terutama generasi muda yang mudah lupa lantas mudah derhaka bukan saja kepada raja tetapi juga negara. Kejadian berulang seperti ini seolah-olah se kali lagi memberi isyarat jelas budaya derhaka ini makin berleluasa. Akibatnya institusi diraja yang menjadi tiang seri negara ian rakyat menjadi mangsa kefaaan apabila diheret bersama dalam kancan politik fitnah, hantuan, dendam dan provokasi.

Hakikatnya kita juga mudah upa bahawa raja adalah payung tedaualtan negara, justeru kesturhan institusi Raja Berperlembagaan ini wajib dipertahankan oleh seluruh warganegara tanpa mengira agama, bangsa dan wara-kulit.

Dalam hal ini semua pihak wajir menghayati titah Pemangku Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah aru-baru ini bahawa Raja Melayu bukan boneka yang hanya sekadar menurunkan mohor perkenan kepada semua dokumen dipersembah dengan mata

Raja Melayu bukan boneka yang hanya sekadar menurunkan mohor perkenan kepada semua dokumen dipersembah dengan mata tertutup, mulut terkunci dan tangan terikat tanpa kuasa menyuarakan pendirian”

Raja Dr Nazrin Shah

tertutup, mulut terkunci dan tangan terikat tanpa kuasa menyuarakan pendirian.

Sebaliknya titah baginda, Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai penimbang tara yang adil dan sak-sama jika mendapat nasihat dipersembah menyimpang daripada undang-undang, tergelincir daripada landasan keadilan, berunsur penindasan atau boleh memudarangkan negara.

Rentetan daripada isu ini, bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Noor Abdullah mencadangkan penggubalan undang-undang khas kesalahan menderhaka kepada raja.

Gubal undang-undang

Menurut beliau, patut ada undang-undang khas digubal mengenai perbuatan yang terjumlah dan terungkap dalam kesalahan derhaka iaitu sesuai kerana rakyat pada beberapa lapisan tidak memahami kuasa dan kedudukan raja. Cadangan ini wajar di perhalusi secara ilmiah.

Kenapa begitu mudah kita derhaka? Kenapa begitu mudah kita lupa mengenai ikrar Rukun Negara yang kita ungkapkan sejak di bangku sekolah lagi? Apakah perbezaan ideologi politik, hasutan dan provokasi menghalalkan penghinaan kita terhadap raja dan institusi diraja? Semua persoalan perlu diteliti secara mendalam.

Perkara seperti ini jika dibiar kan taruh ditangani dengan tegas kita khawatir keluhuran institusi diraja akan terus diperkotak-katikkan oleh sekelompok rakyat yang mempunyai agenda tersendiri untuk menghancur sistem demokrasi dan Raja Berperle-

bagaan di negara kita.

Di mana silapnya sehingga kita sewenangnya menghenteri institusi diraja ke kancan politik. Bukan kankal raja wajar dilihat sebagai payung besar yang menaungi semua rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang.

Ternyata penghayatan terhadap prinsip kesetiaan kepada raja dan negara sangat nipis dan mudah luntur. Generasi sekarang dilihat semakin mudah derhalak kepada raja dan juga negara hanya kerana perbezaan pandangan politik.

Dalam konteks ini semua pihak perlu memahami signifikan kewujudan institusi diraja bukan hanya untuk orang Melayu semata-mata sebaliknya meliputi segenap lapisan warga. Maka semua lapisan rakyat perlu bersatu mempertahankan keluhuran institusi diraja ini. Ringkasnya sudah tiba masa untuk kita bersatu memperkasa institusi diraja secara menyeluruh.

Kementerian Pendidikan perlu membuat kajian di mana silapnya sehingga perkara mudah berlaku walaupun mata pelajaran sejarah sudah diajar sejak lama. Disamping inisiatif untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah, perlu juga difikirkan kaedah lebih praktikal supaya generasi muda bukan saja membaca sejarah untuk lulus perperiksaan tetapi juga dapat menghayatinya sepanjang hayat.

Begitu juga halnya penumpuan dan penekanan perlu diberikan kepada mahasiswa di universiti. Kelompok anak muda ini perlu diasuh sebaik mungkin untuk setia dan taat kepada raja dan negara. Hal ini penting kerana hanya penghayatan dan pembudayaan mampu mengelak perkara seperti diingini daripada terus berulang.

Sepertara lagi mata pelajaran pendidikan kewarganegaraan kepada semua pelajar baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti perlu difikirkan untuk diperkenalkan.

Mengambil kira beberapa insiden seperti menghina raja, menyamar sultan serta mengingkari titah, cadangan ini dilihat sudah sampai ke tahap yang cukup signifikan dan amat relevan untuk direalisasikan.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM